



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (09 OKTOBER 2020)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **sepuluh (10) kes** positif COVID-19 dikesan di Sarawak. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 742 kes**.

A. Kes COVID-19 Baharu Yang DiKesan.

Hari ini, terdapat lapan (8) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Import B), satu kes saringan *Influenza-Like-Illness* (ILI) dan satu (1) kes saringan kontak yang telah dikesan di Sarawak. Seramai empat (4) kes telah dikesan di daerah Kuching, tiga (3) kes di daerah Lubok Antu, dan masing-masing satu (1) di daerah Daro, Bau dan Bintulu. Perincian kes-kes ini mengikut mengikut daerah adalah seperti berikut:

i) Daerah Kuching (4 kes)

Seramai empat (4) kes baharu telah dikesan positif COVID-19 di Daerah Kuching.

a) Kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 (Sabah) – 3 kes

- Tiga kes ini merupakan anggota keselamatan yang baru balik setelah diarahkan untuk bertugas di Sabah semasa Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah. Kes bersama anggota pasukan yang lain telah bertolak pada pagi 25 September 2020 dan balik ke Sarawak menggunakan penerbangan khas melalui Lapangan Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM), Kuching pada 28 September 2020. Setibanya di Kuching, mereka telah diletakkan dibawah arahan kuarantin 14 hari di PULAPOL. Kesemua kes ini juga telah menjalani ujian saringan pertama pada 29 September 2020 dan ujian adalah negatif.
- Saringan ulangan hari ke-10 telah dilakukan pada 7 Oktober 2020 dan ujian rT-PCR ketiga-tiga kes ini telah positif COVID-19 pada 8 Oktober 2020. Kesemua kes tidak menunjukkan tanda dan gejala dan mereka telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.
- Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak telah membuat saringan pertama kesemua 509 anggota keselamatan. Daripada jumlah tersebut, seorang telah didapati positif pada saringan kali pertama. Manakala 3 kes hari ini telah didapati positif COVID-19 setelah membuat saringan kali ke-2. Seramai 495 anggota keselamatan masih menunggu ujian saringan kali ke-2.

b) Kes saringan kontak kepada kes positif COVID-19 (1 kes)

- Kes ini juga merupakan seorang pegawai keselamatan yang bertugas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching. Kes telah menjalani saringan di sebuah klinik kesihatan kerajaan di Kuching pada 7 Oktober 2020 kerana mempunyai kontak kepada kes Ke-718 semasa bertugas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching pada 2 Oktober 2020.
- Ujian saringan kes ini didapati positif pada 8 Oktober 2020 dan kes telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Kes tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala jangkitan COVID-19. Kes juga tidak mempunyai sejarah melakukan perjalanan ke luar negara atau melawat kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 dalam tempoh sebulan yang lalu. Kes ini dikategorikan sebagai jangkitan tempatan.
- Kes ini masih dalam siasatan lanjut dan pengesahan kontak kepada kes ini sedang giat dijalankan.

ii) Daerah Lubok Antu (3 kes)

Seramai tiga (3) kes baharu telah dikesan positif COVID-19 di Daerah Lubok Antu.

a) Kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 (Sabah) – 2 kes

- Kedua-dua kes ini merupakan ibu dan anak warganegara tempatan yang mempunyai sejarah perjalanan melawat Sabah dan pulang pada 27 September 2020 melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching dari Kota Kinabalu. Kedua-dua kes ini juga telah menjalani ujian saringan pertama semasa ketibaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching dan ujian adalah didapati negatif.
- Ujian ulangan COVID-19 pada hari ke-10 telah dijalankan di klinik kesihatan di Lubok Antu dan keputusan ujian rT-PCR mereka didapati positif pada 8 Oktober 2020. Kedua-dua kes tidak menunjukkan tanda dan gejala jangkitan COVID-19. Kes-kes ini telah dirujuk dan dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Pengesahan kontak rapat dan kontak sosial sedang dijalankan untuk saringan COVID-19.

b) Kes saringan *Influenza Like Illness (ILI)* – 1 kes

- Kes ini merupakan seorang anggota keselamatan yang bertugas di Lubok Antu. Kes telah mula mengalami sakit tekak pada 5 Oktober 2020 dan telah membuat pemeriksaan kesihatan dan saringan COVID-19 di klinik kesihatan di Lubok Antu. Ujian rT-PCR COVID-19 kes telah didapati positif pada 8 Oktober 2020 dan kes telah dirujuk dan dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak pada hari yang sama.

- Kes ini tidak pernah melakukan perjalanan ke luar negara atau melawat kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 dalam tempoh sebulan yang lalu. Setakat ini kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan dan kes ini masih dalam siasatan lanjut untuk menentukan punca jangkitan dan pengesahan kontak kepada kes ini.

iii) Daerah Daro (1 kes)

Satu (1) kes baharu telah dikesan positif COVID-19 di Daerah Daro.

a) Kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 (Sabah) – 1 kes

- Kes ini merupakan seorang warganegara tempatan yang bekerja di pelantar minyak di perairan Sabah. Kes telah balik ke Sarawak dari Kota Kinabalu melalui Labuan, Miri dan Sibu sebelum meneruskan perjalanan balik melalui jalan darat ke Daro pada 3 Oktober 2020.
- Semasa melakukan persinggahan di Lapangan Terbang Labuan, kes telah menjalani saringan COVID-19 dan diberi arahan kuarantin di rumah oleh Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan. Sampel yang diambil telah dihantar ke Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan Sungai Buloh, Selangor dan ujian dapati keputusan ujian rT-PCR kes adalah positif COVID-19 pada 8 Oktober 2020.

- Kes ini mengalami batuk, demam dan sakit tekak mulai 1 Oktober 2020 tetapi telah sembuh pada 6 Oktober 2020. Kes telah dirujuk ke Hospital Sibu untuk rawatan lanjut. Kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan dari kawasan berisiko tinggi iaitu Sabah. Pengesahan kontak kepada kes sedang giat dijalankan.

iv) Daerah Bau (1 kes)

Satu kes baharu COVID-19 telah dikesan di Daerah Bau pada hari ini.

a) Kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 (Sabah) – 1 kes

- Kes ini merupakan seorang warganegara tempatan yang mempunyai sejarah perjalanan melawat Sabah dan pulang pada 27 September 2020 melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching dari Kota Kinabalu. Kes ini juga telah menjalani ujian saringan pertama semasa ketibaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching dan ujian adalah didapati negatif.
- Ujian ulangan COVID-19 pada hari ke-10 telah dijalankan di Hospital Bau dan keputusan ujian rT-PCR kes didapati positif pada 8 Oktober 2020. Kes tidak menunjukkan tanda dan gejala jangkitan COVID-19. Kes-kes ini telah dirujuk dan dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Pengesahan kontak rapat dan kontak sosial sedang dijalankan untuk saringan COVID-19.

v) **Daerah Bintulu (1 kes)**

Satu kes baharu COVID-19 telah dikesan di Daerah Bintulu.

a) Kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 (Semenanjung Malaysia) – 1 kes

- Kes ini merupakan seorang penasihat penjualan warganegara yang telah dikesan dijangkiti COVID-19 pada 8 Oktober 2020 melalui saringan kes bergejala. Kes ini mula menunjukkan tanda dan gejala pada 1 Oktober 2020 dan telah mendapatkan pemeriksaan kesihatan dan saringan RTK Antibody COVID-19 di sebuah hospital swasta di Bintulu tetapi ujian saringan pada 1 dan 5 Oktober 2020 adalah tidak reaktif untuk COVID-19.
- Kes telah mendapatkan pemeriksaan kesihatan dan saringan lanjut di Hospital Bintulu pada 7 Oktober 2020. Kes telah diambil swab untuk ujian rT-PCR kerana mempunyai gejala dan mempunyai sejarah perjalanan ke Kedah dan Kuala Lumpur pada 24 hingga 27 September. Keputusan ujian saringan COVID-19 kes ini didapati positif pada 8 Oktober 2020. Kes sedang mendapat rawatan di Hospital Bintulu dan pengesanan kontak kepada kes ini sedang giat dijalankan.

B. Kluster COVID-19 yang masih aktif.

Hari ini, terdapat satu (1) kluster yang masih aktif di Sarawak iaitu kluster Bah Arnab di Daerah Kuching. Kluster ini kekal melaporkan empat (4) kes positif COVID-19.

C. Status Kes COVID-19 di dalam wad Pengasingan Hospital.

Dimaklumkan juga bahawa **tiada** kes baru yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes postif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini kekal seramai **684** orang atau **92.18%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital telah meningkat seramai sepuluh (10) orang menjadikan jumlah keseluruhan ialah seramai **39** orang iaitu 24 di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak, lapan (8) di Hospital Miri, empat (4) di Hospital Sibu dan tiga (3) Hospital Bintulu.

Tiada kes COVID-19 yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari ini. **TIADA (0)** kes kematian baharu dilaporkan pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kematian adalah kekal seramai **19 orang atau 2.56%.**

Hari ini **22 PUI** baru telah dilaporkan dan **tiga (3)** kes PUI yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

D. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.

Hari ini, Daerah Lubok Antu telah bertukar berstatus dari status Hijau kepada status Kuning setelah satu (1) jangkitan tempatan dilaporkan. Kuching kekal berstatus Kuning dengan penambahan satu (1) kes jangkitan tempatan menjadikan jumlah empat (4) kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas.

Daerah Bintulu juga kekal berstatus Kuning dengan satu (1) kes jangkitan. Daerah Sibu dan Daerah Lawas juga masih kekal berstatus Kuning. Daerah Lawas kekal dengan tiga (3) kes jangkitan tempatan dan Daerah Sibu juga kekal dengan dua (2) kes jangkitan tempatan telah dikesan yang dikesan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Ini menjadikan jumlah daerah yang berstatus Kuning adalah lima (5) buah daerah dan 35 buah daerah yang lain di Sarawak kekal berada dalam status Hijau.

2. LAPORAN NOTIS AMARAN / KOMPAUN / SITAAN / TANGKAPAN

Pihak PDRM telah menangkap dua (2) orang lelaki tempatan yang dikuarantin di sebuah hotel di Miri kerana didapati telah keluar dari bilik kuarantin (pelanggaran SOP kuarantin) dan mengeluarkan **16 notis kompaun** telah dikeluarkan di Miri (7), Kuching (4), Kota Samarahan (4) dan Betong (1) kerana tidak mematuhi Garis panduan (SOP).

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **112 amaran lisan, bertulis dan sitaan** di kawasan seliaan BDA (36), SMC (22), DBKU (21), MD Marudi (15), MBKS (9), MDDM (6), MB Miri (2) dan MD Serian (1).

3. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)

PDRM akan terus memperketatkan Garis Panduan (SOP) termasuk pemakaian pelitup topeng muka di tempat awam. Hari ini sebanyak **1,520 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (156), Restoran (266), Kilang (21), Bank (89), Pejabat Kerajaan (26), Penjaja (134), Pasar Tani/Awam (74), Tempat Ibadah (66), Tempat Riadah (39), Tapak Pembinaan (11) dan lain-lain (638).

Seramai **581 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (284), ATM (36), RELA (118), APM (98), PBT (43) dan lain-lain agensi (2).

4. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,669** jumlah kenderaan telah diperiksa.

5. NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI

Berdasarkan maklumat kes-kes yang telah diumumkan 14 hari yang lepas, dimana 40 kes dilaporkan iaitu 7 kes (17.5%) adalah Import A. Manakala dari negeri (Import B) lain sebanyak 22 kes (55%). Daripada 22 kes tersebut, 16 kes adalah dari Sabah. Kes tempatan adalah 11 kes (27.5%) dimana 6 kes positif adalah kontak daripada kes import.

Sehubungan itu JPBN ingin menasihati kepada semua rakyat Sarawak, untuk mengelak daripada melakukan perjalanan keluar dari Sarawak sekiranya perjalanan tersebut tidak perlu khususnya pada bulan Oktober ini.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives
Jaga Sarawak Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK
09 OKTOBER 2020
5.00 PETANG**

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu	732	Kes sedang dirawat di hospital	39	5.26%
Kes Baharu	10	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	121,844	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>intubated</i>)	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	742	Jumlah kes kematian	19	2.56%
IR per 100,000 penduduk	24.05	Kes telah sembuh dan discaj	684	92.18%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Kumulatif		
Negatif	14	<i>Patient Under Investigation (PUI)</i>	22	9,811
Menunggu keputusan	2		3	

Status Semasa		SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital	24	4	3	8	0	39	
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>Intubated</i>)	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian	17	0	0	2	0	19	
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	0	0	0	0	0	0
	Kumulatif	576	35	39	32	2	684
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital (<i>Re-tested Positive</i>)	9	9	3	1	0	22	

DAERAH KUNING (5)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lubok Antu	3	24	3	3	0	0	0	0	3	3	1
2	Kuching	10	6,494	4	448	0	418	0	12	18	18	4
3	Bintulu	2	297	1	42	0	39	0	0	3	3	1
4	Sibu	0	114	0	15	0	11	0	0	4	4	2
5	Lawas	0	20	0	4	0	1	0	0	3	3	3
Jumlah		15	6949	8	512	0	469	0	12	31	31	11

Sumber: CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (35)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Serian	0	313	0	24	0	24	0	0	0	0	0
2	Lundu	1	248	0	3	0	3	0	0	0	0	0
3	Bau	1	177	1	7	0	6	0	0	1	1	0
4	Samarahan	0	566	0	112	0	108	0	4	0	0	0
5	Simunjan	0	62	0	8	0	8	0	0	0	0	0
6	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
7	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
8	Limbang	0	31	0	9	0	8	0	1	0	0	0
9	Miri	1	840	0	29	0	23	0	1	5	5	0
10	Asajaya	0	43	0	5	0	5	0	0	0	0	0
11	Sri Aman	1	54	0	4	0	2	0	1	1	1	0
12	Betong	1	189	0	16	0	16	0	0	0	0	0
13	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
14	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0	0
15	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
16	Sarotok	0	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0
17	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Tatau	1	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Daro	1	7	1	1	0	0	0	0	1	0	0
28	Kapit	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		7	2,862	2	230	0	215	0	7	8	7	0

Jumlah Besar	22	9,811	10	742	0	684	0	19	39	38	11
---------------------	-----------	--------------	-----------	------------	----------	------------	----------	-----------	-----------	-----------	-----------

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **123 Person Under Surveillance** (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **15 buah hotel** adalah seramai **1,427 orang**. Manakala seramai **25,452 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 09.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (684)	Hock Lee	56
2		Kuching Park	85
3		Hilton	77
4		Harbour View	237
5		Riverside (Astana Wing)	229
6	Miri (467)	Imperial Palace	124
7		Eastwood Valley	86
8		Meritz	131
9		Dynasty	126
10	Bintulu (19)	Motel Kapok	14
11		Faber Inn	5
9	Limbang (129)	Purnama	22
10		Shangshan (Lawas)	65
11		Mandarin (Lawas)	42
12	Sibu (128)	Premier	128
Jumlah PUS			1,427

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **6 lokasi di Miri (3), Kuching (1), Samarahan (1), dan Lawas (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,716 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 09.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	OPERASI SEMASA	OPERASI TERKUMPUL
1	Kuching	1	537
2	Miri	3	313
3	Sibu	TIADA	175
4	Samarahan	1	122
5	Bintulu	TIADA	115
6	Sarikei	TIADA	109
7	Limbang	1	81
8	Serian	TIADA	64
9	Betong	TIADA	56
10	Kapit	TIADA	51
11	Mukah	TIADA	48
12	Sri Aman	TIADA	45
Jumlah Keseluruhan			1,716

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **52 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 09.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	MP Padawan	2
2	MD Serian	3
3	MD Sri Aman	5
4	MP Sibu	9
5	MCC	15
6	MD Marudi	5
7	MD Subis	3
8	MD Lawas	10
Jumlah		52